

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL
SINGH (BUKIT GELUGOR)**

TARIKH : 12 NOVEMBER 2019

SOALAN

TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan secara spesifiknya sekiranya Akta Hasutan 1948 akan dimansuhkan seperti yang dijanjikan oleh Kerajaan dan sekiranya ya, bilakah ia akan dimansuhkan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan tetap komited dan proaktif untuk merealisasikan komitmen yang dinyatakan di dalam manifesto Kerajaan Pakatan Harapan termasuklah yang berkaitan dengan undang-undang. Dalam hal ini, Kementerian Dalam Negeri telah pun menubuhkan sebuah Jawatankuasa Khas untuk melaksanakan kajian ke atas undang-undang berkaitan keselamatan termasuklah Akta Hasutan 1948. Jawatankuasa Khas tersebut yang dianggotai oleh pihak-pihak yang berkepentingan seperti Jabatan Peguam Negara (AGC), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Badan Peguam Malaysia, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) dan beberapa badan bukan kerajaan (NGO) ditubuhkan untuk menilai dan memperhalusi setiap peruntukan di dalam undang - undang berkenaan berdasarkan piawaian hak asasi manusia selain mengenal pasti implikasi - implikasi keselamatan yang akan timbul jika dimansuhkan.

Berdasarkan hasil kajian yang dijalankan, pemansuhan Akta Hasutan 1948 memerlukan penelitian yang lebih mendalam terutamanya perkara-perkara berkaitan seksyen - seksyen khusus mengenai kesalahan-kesalahan yang melibatkan institusi diraja, kaum dan agama. Aspek penelitian tersebut termasuklah antara lainnya, sama ada perkara-perkara mengenai kesalahan tersebut dipindahkan dan dimasukkan ke dalam undang - undang lain sedia ada seperti Kanun Keseksaan atau pun diwujudkan suatu undang-undang baharu mengenainya.

Pada masa ini, Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Peguam Negara dan agensi-agensi kerajaan yang lain sedang meneliti perkara tersebut bagi memastikan perkara-perkara yang berkaitan perlindungan institusi diraja, kaum dan agama sentiasa dipelihara. Ini bagi memastikan tiada kelompangan undang-undang berlaku dan keselamatan negara terus terjamin sekiranya Akta Hasutan 1948 dimansuhkan.